

21/05/1999

Cuepacs yakin arahan PM akan percepat projek

KUALA LUMPUR, Khamis - Cuepacs menyifatkan arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Menteri Besar dan Ketua Menteri mengemukakan laporan setiap dua minggu sekali mengenai projek perumahan kos rendah; akan memudahkan Kabinet memantau pelaksanaan projek berkenaan.

Setiausaha Agungnya, Abd Rahman Manan, berkata tindakan itu juga akan mempercepatkan usaha kerajaan bagi membolehkan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri pada harga berpatutan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan seharusnya mengambil tindakan terhadap ketua jabatan yang gagal melaksanakan projek yang dirancang mengikut jadual.

"Kita yakin sekiranya tindakan itu dipatuhi dengan setiap projek dilaksanakan dengan berkesan, ia dapat memberikan gambaran dan mempamerkan imej baik kementerian, jabatan dan kerajaan negeri terbabit.

"Pelaksanaan projek mengikut jadual akan membolehkan pusingan kewangan dalam negeri menjadi lebih stabil serta mempercepatkan usaha pemulihan ekonomi," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Abd Rahman berkata, dalam urusan pengagihan rumah kos rendah pula Cuepacs meminta kerajaan menyediakan kuota khas kepada kesatuan itu untuk diagihkan kepada kakitangan dan pekerja dan pekerja yang sesuai serta layak untuk membeli rumah kos rendah.

"Ini termasuk rumah kos rendah terutama di bandar besar yang memerlukan kos serta taraf hidup yang tinggi seperti di Wilayah Persekutuan, Kuantan, Johor Bahru, Melaka dan Pulau Pinang," katanya.

(END)